



SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Ordinary Level

PENGETAHUAN AGAMA ISLAM

2080/2

Kertas 2

ISLAMIC RELIGIOUS KNOWLEDGE

Paper 2

SPECIMEN PAPER

With effect from 2026 examination

1 hour 30 minutes

Additional Materials: Main Answer Booklet

ARAHAN UNTUK CALON

1. Jawab tiga soalan kesemuanya; satu soalan daripada Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.



Singapore Examinations and Assessment Board

©MOE 2026

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Jawab mana-mana **satu** soalan.

- 1** Mengesakan Allah s.w.t. dan tidak menyekutukan-Nya dengan yang lain merupakan hak utama Allah s.w.t.
- (a) Apakah adab-adab yang harus dipatuhi ketika kamu berdoa dan berzikir? (4 markah)
 - (b) Bagaimanakah kamu menjaga hak Allah s.w.t.? (6 markah)
 - (c) Terangkan peranan yang dapat kamu mainkan untuk menghidupkan budaya membaca dan mencintai al-Quran dalam kalangan kaum remaja sekiranya kamu dilantik sebagai ketua belia di salah sebuah masjid di Singapura. (10 markah)
- 2** Agama Islam amat menitikberatkan kebersihan dalam kehidupan harian manusia.
- (a) Jelaskan dua jenis najis dan cara-cara untuk menyucikan bahagian-bahagian yang terkena najis-najis tersebut. (4 markah)
 - (b) Terangkan perkara-perkara yang menghalang ibadah kamu daripada diterima oleh Allah s.w.t. (6 markah)
 - (c) Bagaimanakah kamu boleh meyakinkan rakan bukan Islam kamu bahawa perbuatan mengambil wuduk setiap kali kamu ingin bersolat bukanlah satu beban? Jelaskan. (10 markah)

BAHAGIAN B (15 markah)

Arahan: Jawab mana-mana **satu** soalan.

- 3** Sayidina Umar bin Abdul Aziz r.a. berkata, "Allah s.w.t. telah menciptakan manusia untuk berkhidmat kepada alam, dan Dia juga telah menciptakan alam untuk berkhidmat kepada manusia."
- (a) Mengapakah perbuatan merosakkan alam sekitar dianggap sebagai satu kezaliman? (5 markah)
- (b) Terangkan cara-cara seseorang boleh berbakti kepada alam sekitar. (10 markah)
- 4** Bertanggungjawab terhadap diri sendiri merupakan antara amanah yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada manusia.
- (a) Jelaskan pentingnya seseorang memelihara adab. (5 markah)
- (b) Terangkan adab-adab memelihara diri. (10 markah)

(lihat halaman sebelah)

BAHAGIAN B (15 markah)

Arahan: Jawab mana-mana **satu** soalan.

- 5** Solat merupakan tiang agama yang dapat menolak sebarang kemungkaran.
- (a) Di samping membentuk disiplin diri, solat dapat mencegah seseorang daripada kemungkaran. Jelaskan. (5 markah)
 - (b) Huraikan hikmah di sebalik pengecualian beberapa golongan daripada melaksanakan solat Jumaat. Terangkan cara-cara melaksanakan solat fardu bagi golongan tersebut. (10 markah)
- 6** Sabda Nabi Muhammad s.a.w., "... dan menunaikan haji ke Baitullah bagi yang mampu melakukannya."
- (a) Jelaskan syarat-syarat haji. (5 markah)
 - (b) Terangkan hikmah yang dapat diperoleh seseorang yang menunaikan ibadah haji. (10 markah)

Selesai

Copyright Acknowledgements:

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.